

# Dr. Mahathir diminta gugur hasrat bertanding perwakilan

KUALA LUMPUR 28 Ogos - Ahli Parlimen Sri Gading, Datuk Mohamed Aziz meminta Tun Dr. Mahathir Mohamad menggugurkan hasratnya untuk bertanding menjadi perwakilan ke Perhimpunan Agung UMNO November ini.

Mohamed berkata, ini kerana se-

bagai bekas Presiden UMNO dan bekas Perdana Menteri yang memerintah negara selama 22 tahun, tidak wajar duduk bersama perwakilan.

Dalam hal ini, beliau yakin UMNO akan menjemput Dr. Mahathir sebagai tetamu kehormat bagi menghadiri perhimpunan agung parti itu.

"Saya merayu Tun agar tidak bertanding menjadi perwakilan.

"Beliau tidak perlu bersusah-susah menjadi perwakilan. Kalau menjadi perwakilan, berapa lama beliau boleh bercakap, seorang perwakilan hanya diperuntukkan masa selama 5 hingga ke 7 minit," katanya.